

PEMIKIRAN ISLAH MAJALAH PENGASUH TAHUN 1918

(Islah Thought in Majalah Pengasuh 1918)

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid*

Faizuri bin Abdul Latif**

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai sejarah awal penerbitan majalah Pengasuh khususnya pada tahun 1918. Seperti majalah lain yang sezaman, fokus utama penulis Pengasuh terhadap persoalan islah dan perubahan sikap serta cara hidup orang Melayu pada awal abad ke-20. Dalam membincangkan secara ringkas sejarah penerbitan Pengasuh pada tahun pertama penerbitanya, tema-tema utama yang terdapat dalam setiap keluaran Pengasuh pada tahun 1918 turut diperkatakan. Artikel ini juga mengulas beberapa artikel yang dipilih dari Pengasuh tahun 1918 yang membincangkan mengenai faktor kemajuan dan kemunduran bangsa Melayu pada ketika itu.

Kata Kunci: Pemikiran Islah, Majalah Pengasuh, Tema-tema Pengasuh, Sejarah majalah Pengasuh.

Abstract

This article discusses the early history of the publication of Pengasuh particularly in 1918. Like other magazines in early twentieth century, the main focus of Pengasuh authors in that time was the question of reformation and change in the attitude and the way of life of the Malay community. In this brief discussion of the history of Pengasuh publication in the first year, major themes appearing in each of the Pengasuh issue in 1918. This article will also mentions several selected articles that discuss the factors of progress and backwardness of the Malays at that time.

Keyword: Islah Thought, Pengasuh, major themes, history of Pengasuh.

Pendahuluan

Pada awal abad ke-20, percetakan dan penerbitan akhbar Melayu lahir dan mula menunjukkan perkembangan yang sangat positif terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Singapura dan Pulau Pinang. Oleh itu ramai cendiakawan Melayu mula berhijrah ke Singapura dan Kuala Lumpur untuk menyebar luaskan gagasan pemikiran mereka di sana kerana perkembangan penerbitan majalah dan akhbar amat pesat sekali berlaku di dua buah bandar tersebut. Berbeza pula dengan cendiakawan Melayu Kelantan, mereka tidak berhijrah sebaliknya

* Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, PhD, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui emel: faisal@um.edu.my

** Faizuri bin Abdul Latif, PhD, merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

mencuba dengan segala upaya yang ada untuk mengembang luaskan pemikiran pembaharuan mereka dengan segala keterbatasan yang ada. Oleh itu, sejarah perkembangan persuratan Islam di Kelantan amat jelas sekali sama ada dalam bentuk sastera kitab atau sastera kreatif. Perkembangannya amat subur di sekitar abad ke 19 dan 20.¹ Dengan kelahiran majalah *Pengasuh*, para ulama dan inteligensia Melayu Kelantan mula menumpukan usaha mereka dalam penulisan dan penerbitan.² Majalah agama pertama mula diterbitkan oleh MAIK ialah majalah *Pengasuh* pada 1hb Julai 1918 bersamaan 1 Syawal 1336.³ Sehingga kini ia merupakan majalah tertua yang diterbitkan di Kelantan secara relatif usianya dan masih diterbitkan. Selain *Pengasuh*, terdapat beberapa majalah lain seperti majalah *al-Kitab*, *al-Hidayah*, *Terok*, *suratkhabar Petra*, *al-Kamaliah*, *Kenchana*, *al-Hikmah*, *Sinaran Kelantan*, *al-Riwayat*, *Cherita Kelantan*⁴ dan lain-lain yang menyerikan nama Kelantan sebagai salah sebuah negeri yang aktif dengan penerbitan. Beberapa majalah yang terbit sezaman dengannya seperti *Masa* (Muara 1924) dan majalah *Guru* (Seremban 1924) sudah tidak diterbitkan lagi.

Pada peringkat awal penerbitan, majalah *Pengasuh* baru menempa nama dan membuat cubaan awal untuk memikat hati para pembacanya. Dalam usia yang baru mencecah setahun, penampilan *Pengasuh* memerlukan banyak pembaharuan dan saranan dari pembaca dan peminat akhbar agar penampilan *Pengasuh* dapat setanding dengan majalah lain yang sudah lama di pasaran. Walaupun begitu *Pengasuh* mempunyai kekuatan yang tersendiri, iaitu nama Ketua Pengarang Kehormatnya yang menjadikan *Pengasuh* mampu menerjah dan menghidangkan kepada khalayak pembaca sesuatu yang amat menarik. Ini semua adalah berpaksikan kepada keupayaan peneraju *Pengasuh* pada ketika itu iaitu Tok Kenali sebagai Ketua Pengarang Kehormat.

Tok Kenali bukan sahaja bertindak sebagai Ketua Pengarang, malah lebih dari itu beliau merupakan pendorong, pengasas dan yang lebih utama inspirasi sebenar majalah *Pengasuh* sejak 1918.⁵ Walaupun beliau bukan seorang penulis yang konsisten seperti Syed Syeikh Al-Hadi, namun beliau adalah seorang penulis yang jelas pandangan serta amat tajam teguran yang diberi. Kewibawaan beliau mungkin tidak begitu terserlah dari ukuran kuantiti tulisan dan penerbitan namun idea dan wibawa seorang ulama yang dimilikinya menjadikan nama beliau sejarah dengan tokoh-tokoh besar yang merintis alam penulisan tanah air. Bersesuaian

¹ Abdul Razak Mahmud (2000), “Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Pattani sehingga Awal Abad ke 20”, (Kertas Kerja Untuk Bengkel Penulisan Prosa Islam, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada Julai 2000 di Perdana Resort, Kelantan) h. 3.

² Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2005), “Beberapa Aspek Perbincangan Sejarah Dalam Majalah Pengasuh Sekitar Tahun 80-An”, *Journal of Al-Tamaddun*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 12.

³ Abdul Razak Mahmud (1988), “Beberapa Catatan Tentang Pengasuh (1988-1918)”, Majalah *Pengasuh*, Bil 493, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988 h. 16.

⁴ Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), “*Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, cet. 1, Edisi Kedua, h. 5-38.

⁵ Yusof Zaky Yaacob (1975), “Tok Kenali Dalam Kenangan”, *Pengasuh*, Bil 403, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari 1975, h. 15.

dengan Tok Kenali sebagai Ketua Pengarang majalah *Pengasuh* dan sekaligus sebagai ulama, maka ia telah melakukan beberapa perubahan melalui penulisan-penulisannya. Jika ditinjau aspek penulisan yang sering dikemukakan di dalam majalah *Pengasuh* di sepanjang keluarannya, *Pengasuh* merangkumi aspek pendidikan dan pelajaran, ekonomi dan iktisad, sejarah, kebudayaan dan politik serta keagamaan.⁶ Jika dinilai dan dianalisis kembali ianya banyak menyumbang kepada pembangunan pemikiran dan juga islah. Justeru itu penulis ingin menilai kembali majalah *Pengasuh* tentang penulisan-penulisan yang ditulis oleh pengarang-pengarang *Pengasuh* sepanjang kepimpinan Tok Kenali sebagai Ketua Pengarang dalam aspek sumbangannya dalam pembangunan pemikiran dan islah.

Penerbitan Pengasuh Tahun 1918

Pada hari Khamis, 11hb. Julai 1918 bersamaan 1 Syawal 1337, *Pengasuh* diterbitkan sebagai sebuah akhbar dwi-mingguan menemui pembaca yang diedarkan di seluruh Kota Bharu dan daerah-daerah di Kelantan.⁷ Penerbitan ini menjadi satu detik peristiwa yang amat bersejarah dalam lipatan sejarah penerbitan majalah dan persuratkhabaran Melayu khususnya di Kelantan. Dalam penerbitan pertama ini, terdapat lapan ruangan yang dikhurasukan. Ruangan pembukaan dikelolakan oleh Dato' Sri Paduka Raja Mahmud bin Ismail.⁸ Pada penerbitan kali ini, *Pengasuh* menggunakan motto “Warta Majlis Islam dan Istiadat Melayu Kelantan” sebagai pengenalan penerbitannya. Dari tajuk-tajuk yang tersiar dalam keluaran pertama menggambarkan *Pengasuh* adalah majalah yang sama seperti majalah-majalah lain yang sezaman pada masa itu iaitu majalah bercorak agama dan rampaian pengetahuan di samping memuatkan berita semasa dalam dan luar negara. Ruangan Berita dalam dan luar negara dijadikan sebagai sumber untuk menyebarkan kepada pembaca khususnya rakyat Kelantan mengenai apa yang berlaku.

Keluaran kedua diterbitkan pada hari Rabu, 24 Julai 1918 / 15 Syawal 1337 dengan empat ruangan utama yang dimulai dengan tulisan Muhammad Daud Patani dengan tajuknya “Perbendaharaan Yang Tersembunyi”.⁹ Mohd Ghazali bin Mohd Ariffin mengupas mengenai pergolakan perang dunia pada ketika itu dengan tajuk artikel “Perbelanjaan Peperangan”.¹⁰ Manakala Tok Kenali pula mengupas isu yang berkaitan dengan pembinaan manusia dengan tajuk “Kesempurnaan Manusia Dan Bahagiannya”.¹¹ Dalam bahagian akhir pada

⁶ Nawawi Muhammad (1981), “Mengingati Detik-Detik Perjalanan “Pengasuh” di Sekitar Tahun-Tahun Kemerdekaan, Satu Sorotan Ringkas Mengenai Aspek Penulisan dan Sebarannya”, *Pengasuh*, Bil 460, April-Mei-Jun 1981, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, h. 460.

⁷ Edaran edisi pertama ini amat terhad, ini berdasarkan kepada simpanan yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan UM, Nilam Puri hanya berbentuk salinan photocopy dan demikian juga di Perpustakaan Peringatan Za’ba, Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka, cawangan timur di Kota Bharu.

⁸ Mahmud bin Ismail (1918), “Ruangan Pembukaan”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 11 Julai 1918 / 1 Syawal 1337, bil.1, h. 1 dan 2.

⁹ Muhammad Daud Petani (1918), “Perbendaharaan Yang Tersembunyi”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 24 Julai 1918 / 15 Syawal 1337, bil.2, h. 3 dan 4.

¹⁰ Mohd Ghazali bin Mohd Arifin (1918), “Perbelanjaan Perang”, *ibid*, h. 4 dan 5.

¹¹ Muhammad Yusof Kenali (1918), “Kesempurnaan Manusia dan Bahagiannya”, *ibid*, h. 5 dan 6.

keluaran ini dikhususkan kepada berita dalam negeri. Dalam ruangan ini dimulai dengan kenyataan Majlis Agama Islam mengenai masalah Qada' Ramadhan Tahun 1336 dan beberapa sisipan berita mengenai aktiviti Majlis (MAIK) seperti perlantikan pegawai agama dan pemberitahuan am.

Jadual di bawah menunjukkan kekerapan penerbitan *Pengasuh* dalam tahun 1918 dengan kekerapan dwi-mingguan mengikut kalendar Islam iaitu setiap 15 hari mengikut taqwim Islam. Oleh kerana *Pengasuh* telah diterbitkan pada pertengahan tahun maka pada tahun 1918 hanya 12 keluaran sahaja dapat diterbitkan.

Bilangan dan Kekerapan Penerbitan *Pengasuh* 1918

Tahun	No. Bilangan	Bil. Keseluruhan	Kekerapan
1918	1 – 12	12 keluaran	15 hari sekali

Sumber: Majalah *Pengasuh* 1918

Manakala jadual di bawah memperlihatkan nama-nama penyumbang artikel dalam majalah *Pengasuh* yang pernah disiarkan sepanjang tahun 1918. Deretan nama-nama itu menunjukkan bahawa penulis *Pengasuh* sama ada ada yang bersifat penulis tetap atau sambilan adalah terdiri dari nama-nama besar tokoh ulama dan cendiakawan Melayu pada ketika itu.

Jadual 2.3: Artikel Mengikut Penulis Tahun 1918

Nama Penulis	Tahun 1918
Muhammad bin Said	9
Muhammad Yusof Kenali (Tok Kenali)	7
Haji Idris bin Hassan	6
Mohd Ghazali bin Mohd Ariffin	6
Patriot (Za'ba)	3
Mahmud bin Said	3
Muhammad Daud Patani	2
Hashim bin Muhammad	2

Sumber: Majalah *Pengasuh* 1918

Pada tahun 1918, Muhammad Said telah mendahului penulis lain dengan sebanyak sembilan artikel beliau telah disiarkan, diikuti dengan Tok Kenali sebanyak tujuh artikel, manakala Haji Idris bin Hassan dan Mohd Ghazali bin Mohd Arifin masing-masing menulis enam artikel pada tahun 1918. Za'ba yang menggunakan nama pena Patriot menulis sebanyak tiga artikel bersama dengan Mahmud bin Said yang juga menulis tiga artikel. Dari segi rupa fizikal pula, majalah *Pengasuh* dalam tahun pertama ini menggunakan saiz akhbar tabloid

berukuran 8.1” lebar dan 12.6” panjang dengan mengandungi lapan halaman seperti majalah dan buku-buku yang terbit sezaman dengannya melainkan pada bil. 11, 4hb. Disember 1918, ianya diterbitkan sebanyak 10 halaman. Corak atur pula lebih mirip kepada sebuah akhbar berbanding majalah. *Pengasuh* pada peringkat ini dinamakan dengan “Warta Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan” dan dijual dengan harga RM 0.15 senaskhah.¹² Manakala harga langganan setahun adalah RM 2.88 untuk seluruh Kelantan dan RM 3.00 bagi luar negeri Kelantan. Semua kos tersebut termasuk “cuci belanja pos”.¹³

Walaupun baru sebulan diterbitkan, pengedaran *Pengasuh* sudah sampai ke seluruh tanah air. Pada keluaran bulan Ogos sudah terdapat beberapa wakil jualan yang dilantik di Singapura untuk pengedaran *Pengasuh* kepada pembaca di sana.¹⁴ Selang beberapa bulan selepas itu atau lebih tepatnya pada keluaran 20hb. Oktober, bil. 8, makalah bertajuk “Pertebaran Ilmu dan Khasiatnya” yang ditulis oleh Za’ba telah disiarkan dalam *Pengasuh*.¹⁵ Besar kemungkinan Za’ba mengetahui mengenai penerbitan *Pengasuh* semasa berada di Singapura kerana pada ketika itu beliau tinggal di Johor sebelum berpindah ke Kuala Kangsar untuk memegang jawatan pensyarah.¹⁶

Sesuai dengan nama dan konsep penerbitan *Pengasuh* pada tahun-tahun ini iaitu Warta Majlis Agama, halaman belakang dikhurasukan untuk berita aktiviti dan perkembangan berkaitan dengan MAIK seperti mesyuarat Ahli Majlis Ulama, perjumpaan para imam, pembukaan masjid dan laporan pengagihan zakat serta pelbagai aktiviti lain lagi. Turut dimuatkan juga berita mengenai perkembangan keluarga Diraja Kelantan. Oleh kerana raja dengan sifatnya sebagai penaung agama Islam, pemerintah tertinggi negeri dan peneraju MAIK maka *Pengasuh* memberikan tumpuan yang utama terhadap perkembangan berita berkaitan dengan Baginda al-Sultان.¹⁷

Dari sudut fokus kandungannya pula, *Pengasuh* dalam tahun-tahun awal ini lebih menumpukan persoalan usaha menyedarkan masyarakat Melayu agar bangkit dari lamunan tidur yang panjang. Banyak artikel difokuskan kepada seruan kesedaran

¹² _____ (1918), *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918, bil. 1, dokumen ini ada tersimpan dalam koleksi Perpustakaan UM, Nilam Puri.

¹³ _____ (1918), *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 4 Disember 1918 / 1 Rabiul Awwal 1337, bil. 11, h. 1.

¹⁴ “Wakil Pengasuh di Singapura”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1918, bil. 3, h.6.

¹⁵ Patriot (1918), “Pertebaran Ilmu dan Khasiatnya”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918, bil. 8, h.5.

¹⁶ Za’ba pada tahun 1916 berkhidmat sebagai guru bahasa Inggeris di English College, Johor Bahru. Beliau tinggal di sana selama dua tahun dan pada tahun 1918 telah berpindah ke Kuala Kangsar untuk menyandang jawatan pensyarah dan penterjemah di Maktab Kuala Kangsar. Keterangan lanjut rujuk Dr. Ammar Haji Hassan Dharmala (ed.) (2007), “Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad (Za’ba) Pendeta Melayu” dalam *100 Tokoh Malaysia*, Kuala Lumpur: Kantung Network Sdn. Bhd. h. 120.

¹⁷ Bermula dari tahun 1919 sambutan hari keputeraan Baginda Sultan menjadi liputan utama *Pengasuh* dan akan menghiasi ruangan kulit hadapan *Pengasuh*. Lihat *Pengasuh*, bil.20 bertarikh 15hb. April 1919.

terutama berkaitan dengan penguasaan ilmu pengetahuan, rasa bangga dengan nilai bangsa sendiri, sejarah dan adat resam Melayu. Jika diperhatikan kepada fokus utama seruan Tok Kenali dalam tulisannya sekitar tahun-tahun 1918, beliau lebih cenderung menggunakan pendekatan menegur bukan mengejek, memujuk bukan mengherdik dan di samping itu berusaha memujuk khalayak pembaca Melayu agar mencintai ilmu pengetahuan dan nilai bangsa sendiri.

Tema-Tema *Pengasuh* Tahun 1918

Terdapat beberapa tema utama dalam *Pengasuh* pada tahun 1918. Oleh kerana *Pengasuh* dalam tahun ini lebih bersifat akhbar maka ruangan berita juga banyak mengisi kolumn-kolumn *Pengasuh*. Secara umumnya dapatlah dibahagikan artikel yang diterbitkan dalam *Pengasuh* pada tahun 1918 berdasarkan kepada tajuk dan kandungan perbincangan setiap artikel kepada tiga tema utama, (1) Tema Akidah, (2) Tema Syariah dan (3) Tema Tamadun Islam.

Tema Akidah

Dalam tema ini, pengarang telah mengemukakan dua bahagian yang utama iaitu asas-asas akidah dan juga pemikiran Islam. Dalam bahagian asas-asas akidah, kebanyakan artikel yang diterbitkan pada masa Tok Kenali lebih memfokuskan kepada asas-asas akidah umat Islam yang merangkumi kepercayaan kepada Allah, Rasul, Kitab-Kitab Allah, Malaikat, Hari Kiamat serta Qada' dan Qadar. Contohnya dalam majalah *Pengasuh* terbitan 1918 dan 1919, antara perkara yang disebut berkaitan dengan akidah ialah berkaitan dengan *Rukun Agama Islam*,¹⁸ *Kuasa Kitab-Kitab Dan Kewajipannya*,¹⁹ *Kitab Pilihannya Dan Kegunaan Bermutalaah*,²⁰ *Kitab Karangan Baharu*,²¹ *Masaalah Qada' Ramadhan 1336 Ini*²² dan sebagainya.

Manakala dalam bahagian pemikiran Islam pula, lebih banyak memfokuskan kepada cabaran dalaman dan luaran umat Islam. Terdapat penekanan isu yang merangkumi fahaman orientalisme, komunisme. Terdapat juga penekanan yang difokuskan kepada krisis perkembangan pemikiran Islam semasa. Antaranya mengenai *Keadaan Peperangan Di Eropah*,²³ *Perkhabarhan Perang*,²⁴ *Kesukaan*

¹⁸ Patriot (1918), “Kuasa Kitab-Kitab Dan Kewajipannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, November 1918 h. 2-4.

¹⁹ Idris Bin Hassan (1918), “Rukun Agama Islam”, Majalah *Pengasuh*, Bil 3, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1918 h. 3-4.

²⁰ _____ (1919), “Kitab Pilihannya Dan Kegunaan Bermutalaah”, Majalah *Pengasuh*, Bil 31, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1919 h. 8.

²¹ _____ (1919), “Kitab Karangan Baharu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 32, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1919 h. 8.

²² Kenyataan Majlis Ugama Islam Kelantan (1918), “Masaalah Qadha Ramadhan 1336 Ini”, Majalah *Pengasuh*, Bil 2, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918 h. 6.

²³ _____ (1918), “Keadaan Peperangan Di Eropah”, Majalah *Pengasuh*, Bil 5, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1918 h. 7-8.

²⁴ _____ (1918), “Perkhabarhan Perang”, Majalah *Pengasuh*, Bil 7, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918 h. 7-8.

*Kerana Perdamaian Sementara Dalam Akhbar Dalam Negeri,*²⁵ *Bilangan Musuh Jerman,*²⁶ *Leteran Pelajaran Ugama Pada Umat Melayu,*²⁷ *Bilangan Yahudi Di Dalam Dunia*²⁸ dan lain-lain lagi.

Tema Syariah

Pada tahun 1918, Sidang Pengarang *Pengasuh* telah membahagikan tema syariah kepada lima bahagian utama, iaitu bahagian usul feqah, ibadah, perundungan Islam, perkahwinan dan juga ekonomi Islam. Dalam bidang Usul Feqah ianya memfokuskan kepada konsep asas ilmu tersebut dengan tujuan membuka pemikiran masyarakat tentang kepentingan ilmu tersebut penekanan lebih tertumpu kepada penggunaan ilmu Usul Feqah dan Usul dalam menyelesaikan masalah dan cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Antaranya artikel yang pernah ditulis adalah berkaitan dengan *Pengenalan Ilmu Usul Dan Namanya,*²⁹ *Pengenalan Ilmu Feqah Dan Namanya.*³⁰

Dalam bahagian ibadat, Sidang Pengarang lebih memfokuskan kepada perkara-perkara asas yang berkaitan dengan ibadat umat Islam. Antaranya mengenai pembayaran zakat, iaitu mengenai *Kenyataan Dengan Sedikit Hukum Syariat Berkenaan Dengan Zakat Perniagaan Atas Mazhab Syafei,*³¹ *Fatwa Syariat Pada Masalah Firman Tuhan “kan” Yang Di Dalam Al-Quran,*³² *Kelebihan Ramadhan Dan Puasa Dan Kenyataan Hukum Dan Hukumnya,*³³ *Masaalah Fitrah,*³⁴ *Masaalah Qurban.*³⁵ Dalam bahagian perundungan pula, Sidang Pengarang lebih memberi penekanan kepada konsep asas perundungan dengan tujuan memberi pemahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan undang-undang.

²⁵ _____ (1918), “Akhbar Dalam Negeri: Kesukaan Kerana Perdamaian Sementara”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918 h. 7-8.

²⁶ _____ (1918), “Bilangan Musuh Jerman”, Majalah *Pengasuh*, Bil 11, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1918 h. 10.

²⁷ Patriot (1919), “Leteran Pelajaran Ugama Kepada Umat Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 20, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April 1919 h. 3-6.

²⁸ _____ (1919), “Bilangan Yahudi Di Dunia”, Majalah *Pengasuh*, Bil 23, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919 h. 7-8.

²⁹ Idris Bin Hassan (1918), “Pengenalan Ilmu Usul Dan Namanya”, *op. cit.*, h. 3.

³⁰ Idris Bin Hassan (1918), “Pengenalan Ilmu Fekah Dan Namanya”, *op. cit.*, h. 4.

³¹ Idris Bin Hassan (1919), “Kenyataan Dengan Sedikit Hukum Syariat Berkenaan Dengan Zakat Perniagaan Atas Mazhab Syafei”, Majalah *Pengasuh*, Bil 17, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, March 1919 h. 1-3.

³² Amda’ Mahfuz (1919), “Fatwa Syariat Pada Masalah Firman Tuhan “kan” Yang Di Dalam Al-Quran”, Majalah *Pengasuh*, Bil 21, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919 h. 1.

³³ _____ (1919), “Kelebihan Ramadhan Dan Puasa Dan Kenyataan Hukum Dan Hukumnya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 23, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919 h. 2-4.

³⁴ En Mohd Arus (1919), “Masaalah Fitrah”, Majalah *Pengasuh*, Bil 29, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1919 h. 8.

³⁵ Majlis Ugama Islam Kota Bharu (1919), “Masaalah Qurban”, Majalah *Pengasuh*, Bil 29, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1919 h. 8.

Antaranya ialah berkaitan dengan *Kemajuan Pada Undang-Undang Kerajaan Inggeris*³⁶ dan sebagainya.

Tema Tamadun Islam

Sidang Pengarang *Pengasuh* telah membahagikan tema Tamadun Islam kepada dua bahagian yang utama iaitu bahagian kemasyarakatan dan pendidikan. Dalam bahagian kemasyarakatan, Tok Kenali lebih menekankan konsep *Kewajipan Berpengetahuan Agama*,³⁷ *Faedah Bagi: Kelebihan Bertanam Dan Berhuma*,³⁸ *Bangsa Melayu*,³⁹ *Tujuan Hidup*⁴⁰ serta penekanan lebih diberikan kepada masalah semasa umat Islam. Dalam bahagian pendidikan pula, Tok Kenali lebih menekankan kepada kepentingan pendidikan Islam dalam masyarakat. Antaranya, *Perikatan, Bagi Kanak-Kanak Yang Menuntut Pelajaran*,⁴¹ *Pelajaran Di Tanah Melayu*,⁴² *Leteran Pelajaran Agama Kepada Umat Melayu*,⁴³ *Kenapa Perlu Belajar*,⁴⁴ *Peliharaan Pelajaran*⁴⁵ dan sebagainya.

Analisis Idea Islah dalam *Pengasuh*

Di awal abad ke-20, menyaksikan kemunduran umat Islam khususnya bangsa Melayu yang masih ketara, punca kemunduran mereka adalah berpaksikan kepada kerangka pemikiran yang jumud dan pasif tentang kehidupan. Justeru itu, tajid dan islah malah jihad dan ijтиhad pada masa kini seharusnya menumpukan kepada aspek pemikiran dan memantapkan metodologi berfikir. Ertinya, pembaharuan tamadun hanya akan tercapai apabila adanya perubahan sikap di kalangan ummah terutamanya pada kalangan pemimpin politik, intelektual dan ulamanya atas sifat mereka sebagai peneraju umat. Oleh itu penglibatan para ulama melalui majalah dan akhbar amat penting kerana ianya mampu menyemai minat di kalangan pembaca. Media adalah salah satu cara yang membolehkan mereka mengikuti

³⁶ Muhammad Bin Said (1919), “Kemajuan Pada Undang-Undang Kerajaan Inggeris”, Majalah *Pengasuh*, Bil 13, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari 1919 h. 8-11.

³⁷ Patriot (1919), “Kewajipan Berpengetahuan Agama”, Majalah *Pengasuh*, Bil 19, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April 1919 h. 3-6.

³⁸ Patriot (1919), “Faedah Bagi: Kelebihan Bertanam Dan Berhuma”, Majalah *Pengasuh*, Bil 23, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919 h. 4-5.

³⁹ _____ (1919), “Bangsa Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 37, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1919 h. 5-6.

⁴⁰ Ab'i (1918), “Tujuan Hidup”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, November 1918 h. 1-2.

⁴¹ Nuruddin Bin Harun (1919), “Perikatan, Bagi Kanak-Kanak Yang Menuntut Pelajaran”, Majalah *Pengasuh*, Bil 14, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari 1919 h. 3-4.

⁴² Patriot (1919), “Pelajaran Di Tanah Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 17, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, March 1919 h. 3-5.

⁴³ Patriot (1919), “Leteran Pelajaran Agama Kepada Umat Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 20, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April 1919 h. 3-6.

⁴⁴ Hasyim Bin Muhammad (1919), “Kenapa Perlu Belajar”, Majalah *Pengasuh*, Bil 21, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919 h. 6-7.

⁴⁵ Abdullah Bin Haji Yunus (1918), “Peliharaan Pelajaran”, Majalah *Pengasuh*, Bil 12, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1918 h. 7.

perkembangan semasa di dalam dan luar negara. Di samping itu, aspek keagamaan dan ijtihad dijadikan sebagai nadi pemasaran majalah-majalah agama menjadi sebagai suatu isu yang sangat diperkatakan pada ketika itu. Disebabkan pasaran majalah yang cukup baik di kalangan masyarakat, tidak hairanlah banyak penerbit menjadikan majalah keluarannya sebagai landasan memberi dan menerima cetusan idea daripada para pemikir. Malahan penglibatan pelbagai gerakan islah ini dalam penerbitan majalah juga membuktikan bahawa penerbitan majalah agama mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan semasa, terutama berhubung pembacaan di kalangan masyarakat Melayu.

Melalui bahan penerbitan seperti majalah ini, pelbagai isu yang dilontarkan oleh para pengarang yang kebanyakannya berkisar mengenai wanita, agama, ekonomi, politik, sejarah, sastera serta fenomena kehidupan masyarakat itu sendiri. Banyak majalah yang diterbitkan hasil cetusan idea pemikir bagi menyedarkan dan mempengaruhi pemikiran masyarakat mengenai ideologi yang dibawa oleh mereka. Contohnya beberapa artikel dari *Pengasuh* yang akan kita bincangkan nanti, memberi pelbagai segmen dan isu-isu yang menarik.

Sebuah artikel yang diterbitkan dalam *Pengasuh* bil. 12, tahun 1918 dengan tajuk “Kemajuan Bangsa Melayu” membincangkan tentang sebab-sebab kemunduran bangsa Melayu dan gesaan agar bangsa Melayu bangkit untuk maju setanding dengan bangsa lain di dunia. Tulisan ini melontarkan persoalan kepada pembacanya, “adakah bangsa Melayu sudah maju?” dan “apakah yang dikehendaki dengan kemajuan?”. Pelbagai persoalan diutarakan oleh penulis agar pembaca *Pengasuh* mengimbas dan membuka minda mereka serta melihat realiti di sekeliling adakah mereka benar sudah maju atau masih ketinggalan.

Antara saranan *Pengasuh* untuk bangsa Melayu agar terus mengorak langkah ke arah kemajuan sebenar, adalah dengan sentiasa memberi peringatan kepada para pemimpin Melayu agar menumpukan perhatian mereka kepada perkara utama iaitu pendidikan dan ekonomi negara bukannya meniru Barat dalam hiburan dan kelekaan yang berpanjangan. Kata pengarang *Pengasuh* “.... bantulah bangsa kamu Melayu sudah maju beberapa jauhnya ke medan tiru-meniru, main bermain - tari menari - minum meminum dan lainnya”.⁴⁶ Penulis menggambarkan bahawa orang Melayu pada masa itu ramai yang telah leka dengan hiburan sementara dari berusaha membina maruah bangsa sendiri. Oleh itu, antara jalan penyelesaian bagi masalah ini, hanyalah dengan membetulkan kembali fokus dan usaha yang bersungguh-sungguh dengan pelbagai cara untuk mendekati golongan yang leka itu agar mereka kembali sedar dari kealpaan. Para pembaca *Pengasuh* diseru agar sentiasa mengingatkan anak bangsa Melayu agar tidak terjerumus dengan perkara-perkara yang merugikan.⁴⁷

⁴⁶ _____ (1918), “Kemajuan Bangsa Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 12, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1918 h. 1.

⁴⁷ *Ibid*, h. 2.

Untuk menjadikan bangsa Melayu terus maju seiring dengan bangsa lain, Muhammad Bin Said, dalam artikel beliau yang bertajuk “Kemajuan Surat Khabar dan Penggunaannya” cuba menerangkan kepentingan akhbar dalam membina peradaban bangsa. Menyedari akan peri penting itulah pihak MAIK menerbitkan majalah *Pengasuh* yang merupakan salah sebuah majalah yang awal diterbitkan di Kelantan dengan huruf Jawi dan berbahasa Melayu. Beliau turut menjelaskan sejarah penerbitan dan perkembangan akhbar-akhbar dalam seluruh dunia. Tujuan artikel ini disiarkan adalah untuk memberitahu kepada pembaca *Pengasuh* bahawa bangsa lain yang lebih awal mengenali peranan dan fungsi akhbar seperti bangsa Eropah menjadi maju dengan menjadikan akhbar sebagai saluran komunikasi dan percambahan pemikiran di samping berita semasa. Beliau menyifatkan bahawa akhbar bolehlah disifatkan sebagai media massa yang diperlukan oleh masyarakat untuk memajukan sesebuah tamadun.⁴⁸ Dalam artikel tersebut, beliau menyatakan:

“Apakala adalah sesuatu bangsa mencapaikan tamadun dan kemajuan hingga ke pengkalan, bagaimana keadaan bangsa-bangsa Eropah dan mereka yang ada pada masa sekarang ini, maka zahirlah bahawa surat-surat khabar itu bolehlah disifatkan setengah daripada perkara yang sangat berhajat oleh kesempurnaan tamadun mereka ialah dengan sebab besar pergunaan”.⁴⁹

Tok Kenali selaku Ketua Pengarang *Pengasuh* juga turut menyentuh mengenai falsafah hidup seseorang manusia di dunia ini dan menjelaskan bagaimana ukuran seseorang itu dianggap sempurna. Beliau menulis artikel yang bertajuk “Kesempurnaan Manusia Dan Bahagiannya”. Beliau menyatakan bahawa tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan dalam hidup manusia, apakah lagi untuk mencapai kesempurnaan dengan mudah, sebaliknya memerlukan kesabaran pada permulaan kehidupannya.⁵⁰ Beliau membuat analogi yang amat baik tentang watak manusia. Analogi beliau membandingkan antara manusia dengan malaikat atau binatang buas. Kata beliau;

“Manusia itu terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu, yang pertama, yang mempunyai perangai seperti malaikat, iaitu yang memberi manfaat dan tidak memberi kemudharatan, yang kedua yang mempunyai perangai yang sama dengan kebanyakan binatang yakni, mereka yang tidak memberi mudharat dan tidak juga memberi manfaat, dan yang ketiga, yang mempunyai perangai sama dengan binatang buas, iaitu memberi kemudharatan dan tidak memberi manfaat.”⁵¹

⁴⁸ Muhammad Bin Said (1918), “Kemajuan Surat Khabar Dan Penggunaannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 1, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918, h. 6.

⁴⁹Ibid.

⁵⁰ Muhd Yusuf Kenali (1918), “Kesempurnaan Manusia Dan Bahagiannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 2, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918 h. 6-7.

⁵¹Ibid., h. 7.

Dalam pembentukan jatidiri Islam dalam masyarakat Melayu, amalan soleh di kalangan umat Islam tidak sesubur seperti zaman para sahabat Rasulullah SAW, konsep dan amalannya amat jauh sekali berbeza. Pada zaman ini masyarakat Melayu amat pincang dalam mengimbangi antara agama dan keseronokan duniaawi sehingga membawa kepada krisis akhlak yang nyata. Mengapa keadaan ini berlaku? Menurut *Pengasuh*, keadaan ini berlaku kerana tenaga jihad yang bersungguh-sungguh tidak ada, kalaupun ada ianya terlalu kecil dan serba kekurangan sehingga tidak mampu untuk menampung segala lompong yang terbentuk luas.

Seorang penulis yang dikenali dengan nama Muhammed Daud al-Fatani, menulis mengenai salah faham orang Melayu terhadap konsep Qada' dan Qadar dalam kehidupan mereka khususnya mengenai rezeki dan kekayaan. Artikel beliau bertajuk "Adakah Rezeki Itu Dapatkan Dengan Sebab Rajin Dan Usaha? Atau Dengan Sebab Tuah Dan Untung?". Dalam artikel ini, terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan pembangunan pemikiran diutarakan. Penulis artikel telah menegur sikap segelintir masyarakat Melayu yang malas berkerja dengan tanggapan bahawa rezeki itu adalah ketentuan Allah yang tidak boleh diubah. Lantaran kefahaman Islam yang songsang itulah mereka bersikap pasif dan malas dalam berusaha mencari rezeki serta merubah nasib kehidupan mereka sendiri. Dengan tegas sekali beliau menyatakan:

"… adapun ahli pencarian dan perasaan pandai mereka iaitu menjalankan pekerjaan mencari rezeki lagi sentiasa berjaga dan mereka yang malas dan yang kurang berusaha, tiada pandai mereka iaitu melainkan meminta sedekah dan berserah".⁵²

Apa yang dimaksudkan oleh penulis artikel di atas, masyarakat Melayu harus rajin berusaha dan merubah nasib hidup mereka dengan bersungguh-sungguh. Persoalan Qada' dan Qadar dan penetapan rezeki oleh Allah tidak seharusnya dijadikan alasan untuk tidak berusaha. Malah Islam tidak menggalakkkan umatnya untuk mengharap dan meminta-minta daripada orang lain (bersedekah) untuk mendapat rezeki. Antara harapan dan teguran yang sering diketengahkan oleh Tok Kenali adalah berkaitan dengan kehidupan orang Melayu supaya tolong menolong antara satu sama lain dengan mendirikan kewajipan agama dan kemanusiaan. Tok Kenali juga menyeru supaya orang Melayu sagera membaki diri masing-masing terhadap segala kelemahan dan kekurangan yang ada. Selain itu Tok Kenali juga dalam penulisannya ada menyebut;

"Tatkala saya ketahui bahawasanya, tidak ada orang yang boleh menjadikan utusan dan berusaha menghimpunkan antara anak-anak Melayu kita ini, maka cintalah saya dengan harapan bahawa diadakan pada tiap-tiap sebuah negeri di semenjung Tanah Melayu kita ini,

⁵² Muhammad Daud Fatani (1918), "Adakah Rezeki Itu Dapatkan Dengan Sebab Rajin Dan Usaha? Atau Dengan Sebab Tuah Dan Untung?", Majalah *Pengasuh*, Bil 3, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1918 h. 4.

sekurang-kurangnya satu suratkhabar yang di punyai sendiri oleh anak-anak negeri sendiri supaya menepati ia utusan yang bijaksana menyeru kepada bersekutu dan bersatu pada tiap-tiap pekerjaan yang mendarangkan maslahat bagi watan, bangsa dan agama".⁵³

Dengan sikap saling bantu membantu antara sesama anak bangsa akan mengangkat martabat bangsa Melayu menjadi mulia. Ahmad Kamil dalam tulisannya yang bertajuk "Tujuan Kemuliaan" menyeru semua anak bangsa Melayu sama ada lelaki atau wanita agar memelihara harga diri dengan menunjukkan ketinggian maruah dan sentiasa mendokong kebaikan. Tegas beliau, "segala mutu kemuliaan itu yang diberikan kepada manusia itu akan tenggelam apabila kita mempunyai penyakit-penyakit dan perangai yang negatif". Beliau juga telah menulis beberapa teguran yang boleh disimpulkan, (1) manusia yang celaka ialah mereka yang menyekutukan Allah Taala dengan yang lain, kerana perbuatannya itu adalah satu bentuk pengkhianatan dan kezaliman yang besar ke atas dirinya dan umat manusia (2), menjadikan saudara sebangsa dan seagama dengannya musuh dengan melihat mereka dengan pandangan khianat dan hasad (3), mendiamkan diri daripada menyertai aktiviti yang membawa kepada kebaikan bersama dan membesarlu fitnah atas kesilapan saudaranya.⁵⁴ Penulis menyeru golongan pembaca *Pengasuh* agar menjauhkan diri daripada tiga perkara yang telah disebutkan di atas.

Ahmad Kamil dalam tulisannya yang lain bertajuk "Menuntut Kemuliaan Dan Kemenangan" menyambung tegurannya kepada anak bangsa Melayu agar sentiasa berusaha menuntut kemuliaan dan kemenangan di dunia dan akhirat, dengan berfikir tentang perkara yang baik-baik dan meninggikan hemah diri. Apa yang dimaksudkan oleh beliau mengenai hemah, ialah mengerjakan pekerjaan yang mendarangkan kebijakan bagi masyarakat dan manusia sejagat.⁵⁵ Sebagai ahli masyarakat, setiap individu digalakkan agar sentiasa peka dengan hal-ehwal semasa yang berlaku di sekeliling mereka. Selain itu, beliau juga menyeru para pembaca *Pengasuh* agar sentiasa taat kepada perintah Allah SWT dan janganlah sekali-kali meninggalkan sembahyang lima waktu kerana ianya merupakan tiang agama dan hendaklah menyempurnakan tuntutan-tuntutan agama dengan menjauhkan diri dari apa yang ditegah oleh-Nya dan sentiasa beramal dengan ilmu agar ilmu yang ada tersebut tidak sia-sia.⁵⁶

Kesimpulan

Perbincangan mengenai keadaan ekonomi dan sosio kehidupan orang Melayu masih lagi panjang dan agenda perjuangannya masih lagi belum selesai. Mereka

⁵³ Muhammad Yusuf Kenali (1918), "Kenyataan Dan Pengharapan Yang Besar", Majalah *Pengasuh*, Bil 6, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1918 h. 1.

⁵⁴ Ahmad Kamil (1918), "Tujuan Kemuliaan", Majalah *Pengasuh*, Bil 7, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918 h. 1.

⁵⁵ _____ (1918), "Menuntut Kemuliaan Dan Kemenangan", Majalah *Pengasuh*, Bil 8, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918 h. 1.

⁵⁶*Ibid.*, h. 1

mundur dalam serba-serbi dan jauh ketinggalan berbanding orang bukan Melayu walaupun negara telah memasuki milenium baru. Untuk membawa mereka keluar dari segala himpitan dan kesempitan ini semua tenaga perlu digembeling dengan memberi peluang, bimbingan dan panduan di samping sokongan latihan dan modal untuk mengeluarkan mereka dari kepompong kemiskinan. Yusof Rawa, seorang ulama dan pejuang Melayu di Pulau Pinang, walaupun setelah 60 tahun selepas *Pengasuh* diterbitkan beliau melalui majalah *al-Islah* masih memberi teguran dan komentar yang sama terhadap bangsa Melayu dengan saranannya agar usaha yang komprehensif diambil bersama khususnya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial seperti apa yang dinyatakan dalam perbincangan di atas. Beliau yakin bahawa setiap permasalahan yang timbul itu ada jalan penyelesaian. Apa yang perlu ialah mengenalpasti segala punca kerosakan, punca penyakit dan sebab kepada kemusnahan sesuatu permasalahan. Permasalahan jiwa dan punca sampingan perlu dibajai semula dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah agar menjadi benteng ketahanan yang kukuh dalam menyemai semangat kehidupan beragama dan bermasyarakat.

Dengan ini, diharapkan perbincangan di atas telah mengetengahkan beberapa pandangan islah dalam majalah *Pengasuh* sebagai memberi gambaran dan kesedaran mengenai masyarakat Melayu dalam dekad awal abad ke-20 agar para pembacanya terutama masyarakat Melayu sedar akan kemunduran mereka dan memperbaiki kelemahan mereka sendiri. Tidak ada apa yang mustahil dalam hidup ini, Tok Kenali dan Sidang Pengarang *Pengasuh* amat yakin dalam setiap komentarnya tentang perubahan nasib bangsa Melayu. Segala bentuk permasalahan yang dihadapi oleh bangsa Melayu dulu dan kini itu akan dapat diselesaikan selagi kita berusaha untuk mencari jalan penyelesaian. Mengutip kata-kata harapan Yusof Rawa, “*Alam ini tidaklah terlalu sempit, sehingga terdorong kepada kebuntuan, jalan keluar tentu ada, kalau kita mencari petua, akan banyaklah kita mendapatinya, kalau kita meminta petua, banyaklah pula kita diberi*”.⁵⁷

Apa yang dihadapi oleh orang Melayu kini adalah persoalan yang sama dihadapi oleh orang Melayu pada awal abad ke-20 dan diikuti dalam dekad-dekad 70-an dan 80-an dahulu, apa yang membezakannya adalah rupa dan tempat sahaja namun pangkal permasalahan orang Melayu masih sama. Oleh itu sesekali seharusnya kita menjenguk ke belakang bukan untuk mundur tetapi mencari punca kesilapan silam demi kebaikan hari esok. Kata para ulama, “kembali kepada kebenaran adalah lebih baik dari kekal dalam kesilapan”.

⁵⁷ Yusof Rawa (1971), “Menyongsong Penubuhan Pusat Latihan Dakwah Malaysia”, *Majalah al-Islah*, Pulau Pinang: Zi United Press, bil. 11, jil. 2, 15 Julai 1971, h.15.

Rujukan

- _____ (1918), *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918, bil. 1
- _____ (1918), *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 4 Disember 1918 / 1 Rabiul Awwal 1337, bil. 11.
- _____ (1918), “Menuntut Kemuliaan Dan Kemenangan”, Majalah *Pengasuh*, Bil 8, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918.
- _____ (1918), “Akhbar Dalam Negeri: Kesukaan Kerana Perdamaian Sementara”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918.
- _____ (1918), “Bilangan Musuh Jerman”, Majalah *Pengasuh*, Bil 11, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1918.
- _____ (1918), “Keadaan Peperangan Di Eropah”, Majalah *Pengasuh*, Bil 5, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1918 h.
- _____ (1918), “Perkhabaran Perang”, Majalah *Pengasuh*, Bil 7, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918.
- _____ (1919), “Bangsa Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 37, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1919.
- _____ (1919), “Bilangan Yahudi Di Dunia”, Majalah *Pengasuh*, Bil 23, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919.
- _____ (1919), “Kitab Karangan Baharu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 32, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1919.
- _____ (1919), “Kitab Pilihannya Dan Kegunaan Bermutalaah”, Majalah *Pengasuh*, Bil 31, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1919.
- _____ (1919), “Kelebihan Ramadhan Dan Puasa Dan Kenyataan Hukum Dan Hukumnya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 23, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919.
- _____ (1918), “Kemajuan Bangsa Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 12, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1918.

“Wakil Pengasuh di Singapura”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1918, bil. 3.

Ab'i (1918), “Tujuan Hidup”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, November 1918.

Abdul Razak Mahmud (1988), “Beberapa Catatan Tentang Pengasuh (1988-1918)”, Majalah *Pengasuh*, Bil 493, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988 .

Abdul Razak Mahmud (2000), “*Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Pattani sehingga Awal Abad ke 20*”, (Kertas Kerja Untuk Bengkel Penulisan Prosa Islam, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, pada Julai 2000 di Perdana Resort, Kelantan).

Abdullah Bin Haji Yunus (1918), “Peliharaan Pelajaran”, Majalah *Pengasuh*, Bil 12, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1918.

Ahmad Kamil (1918), “Tujuan Kemuliaan”, Majalah *Pengasuh*, Bil 7, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918.

Amda' Mahfuz (1919), “Fatwa Syariat Pada Masalah Firman Tuhan “kan” Yang Di Dalam Al-Quran”, Majalah *Pengasuh*, Bil 21, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919.

Dr. Ammar Haji Hassan Dharmala (ed.) (2007), “Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad (Za’ba) Pendeta Melayu”, dalam *100 Tokoh Malaysia*, Kuala Lumpur: Kantung Network Sdn. Bhd.

Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), “*Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*”, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, cet. 1, Edisi Kedua.

En Mohd Arus (1919), “Masaalah Fitrah”, Majalah *Pengasuh*, Bil 29, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1919.

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid (2005), “Beberapa Aspek Perbincangan Sejarah Dalam Majalah Pengasuh Sekitar Tahun 80-An”, *Journal Of Al-Tamaddun*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Hasyim Bin Muhammad (1919), “Kenapa Perlu Belajar”, Majalah *Pengasuh*, Bil 21, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919.

Idris Bin Hassan (1918), “Kenyataan Niat Berhubung Dengan Orang Yang Hendak Berbuat Sesuatu Amal”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, November 1918.

Idris Bin Hassan (1918), “Rukun Agama Islam”, Majalah *Pengasuh*, Bil 3, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1918.

Idris Bin Hassan (1919), “Kenyataan Dengan Sedikit Hukum Syariat Berkenaan Dengan Zakat Perniagaan Atas Mazhab Syafei”, Majalah *Pengasuh*, Bil 17, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, March 1919.

Kenyataan Majlis Ugama Islam Kelantan (1918), “Masaalah Qadha Ramadhan 1336 Ini”, Majalah *Pengasuh*, Bil 2, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918.

Mahmud bin Ismail (1918), “Ruang Pembukaan”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 11 Julai 1918 / 1 Syawal 1337, bil.1.

Majlis Ugama Islam Kota Bharu (1919), “Masaalah Qurban”, Majalah *Pengasuh*, Bil 29, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1919.

Mohd Ghazali bin Mohd Arifin (1918), “Perbelanjaan Perang”, *ibid*.

Muhammad Bin Said (1918), “Kemajuan Surat Khabar Dan Penggunaannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 1, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918.

Muhammad Bin Said (1919), “Kemajuan Pada Undang-Undang Kerajaan Inggeris”, Majalah *Pengasuh*, Bil 13, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari 1919.

Muhammad Daud Fatani (1918), “Adakah Rezeki Itu Dapatkan Dengan Sebab Rajin Dan Usaha? Atau Dengan Sebab Tuah Dan Untung?”, Majalah *Pengasuh*, Bil 3, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Ogos 1918.

Muhammad Daud Petani (1918), “Perbendaharaan Yang Tersembunyi”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Dan Istiadat Melayu Kelantan, 24 Julai 1918 / 15 Syawal 1337, bil.2.

Muhammad Yusof Kenali (1918), “Kesempurnaan Manusia dan Bahagiannya”.

Muhammad Yusuf Kenali (1918), “Kenyataan Dan Pengharapan Yang Besar”, Majalah *Pengasuh*, Bil 6, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1918.

Muhd Yusuf Kenali (1918), “Kesempurnaan Manusia Dan Bahagiannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 2, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1918.

Nawawi Muhammad (1981), “Mengingati Detik-Detik Perjalanan “Pengasuh” di Sekitar Tahun-Tahun Kemerdekaan, Satu Sorotan Ringkas Mengenai Aspek Penulisan dan Sebarannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 460, April-Mei-Jun 1981, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Kelantan.

Nuruddin Bin Harun (1919), “Perikatan, Bagi Kanak-Kanak Yang Menuntut Pelajaran”, Majalah *Pengasuh*, Bil 14, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari 1919.

Patriot (1919), “Faedah Bagi : Kelebihan Bertanam Dan Berhuma”, Majalah *Pengasuh*, Bil 23, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei 1919.

Patriot (1919), “Kewajipan Berpengetahuan Agama”, Majalah *Pengasuh*, Bil 19, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April 1919.

Patriot (1918), “Kuasa Kitab-Kitab Dan Kewajipannya”, Majalah *Pengasuh*, Bil 10, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, November 1918.

Patriot (1918), “Pertebaran Ilmu dan Khasiatnya”, *Pengasuh*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1918, bil. 8.

Patriot (1919), “Leteran Pelajaran Agama Kepada Umat Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 20, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April 1919.

Patriot (1919), “Pelajaran Di Tanah Melayu”, Majalah *Pengasuh*, Bil 17, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, March 1919.

Yusof Zaky Yaacob (1975), “Tok Kenali Dalam Kenangan”, *Pengasuh*, Bil 403, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari 1975.